

Felda disenaraikan

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Felda, syarikat perladangan tempatan yang terbesar di dunia, akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sebagai salah satu langkah untuk memantapkan pasaran modal negara.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, saham Felda dijangka akan menjadi antara saham mewah di BSKL dan Felda berpo-

tensi untuk diperkenalkan sebagai jenama antarabangsa.

“Penyenaraian itu adalah salah satu daripada 10 langkah yang dilaksanakan untuk memantapkan pasaran modal iaitu menggalakan syarikat besar disenaraikan di BSKL,” katanya.

Dengan penyenaraian itu, kata Perdana Menteri, Felda akan berupaya mendapatkan modal dari pasaran dan tidak lagi perlu ber-

gantung kepada kerajaan untuk sumber kewangannya.

Pada masa yang sama katanya, kerajaan juga akan mendapat pulangan dari penyenaraian tersebut yang juga akan memberi faedah kepada kumpulan syarikat Felda, peneroka dan koperasi serta kerajaan negeri yang telah memberi tanah untuk dibangunkan sebagai ladang Felda.

“Peneroka Felda akan menda-

di BSKL

pat peluang untuk memegang ekuiti dalam syarikat yang disenaraikan iaitu sebagai ahli atau individu,” katanya.

Cadangan ini adalah selaras dengan matlamat DEB yang bertujuan membolehkan bumiputera memiliki ekuiti sekurang-kurangnya 30 peratus dalam sektor korporat, kata Perdana Menteri yang berharap saham itu tidak dijual oleh bumiputera.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam sidang akhbar berkata, penyenaraian Felda itu akan membolehkan ladang seluas 400,000 hektar yang dimiliki sepenuhnya oleh agensi itu dikomersialkan.

“Felda ada dua jenis ladang iaitu ladang yang dimiliki bersama oleh peneroka dan ladang yang dimiliki serta dikendalikan sepenuhnya oleh Felda seluas

400,000 hektar, yang itu kita akan komersialkan,” katanya.

Menurut beliau, kerajaan sedang memikirkan jalan untuk memastikan kepentingan jangka panjang peneroka dapat dilindungi selepas penyenaraian.

Bagaimanapun, kerajaan akan mengekalkan penguasaan terhadap Felda melalui pegangan saham terbesar, tambah beliau.